

RINGKASAN EKSEKUTIF

Dasar Perhutanan Negara telah diterima oleh Majlis Perhutanan Negara (MPN) pada tahun 1977 dan diluluskan oleh Majlis Tanah Negara (MTN) pada tahun 1978. Penerimaan Dasar Perhutanan Negara merupakan satu kejayaan besar yang pernah dicapai oleh JPSPM di dalam usaha merealisasikan konsep penggunaan tanah secara rasional melalui penubuhan Hutan Simpan Kekal (HSK) yang diuruskan dengan prinsip-prinsip pengurusan hutan yang sihat. Prinsip-prinsip serta amalan pengurusan hutan yang baik serta berkeseluruhan perlulah didokumentasikan secara teratur dan sistematik dengan mengambilkira sumber-sumber hutan yang ada serta keperluan-keperluan lain (Dahlan, 1991). Dokumen yang komprehensif lagi praktikal ini adalah dikenali sebagai Rancangan Pengurusan Hutan (RPH).

Pembangunan Negeri Pulau Pinang juga adalah berlandaskan kepada Wawasan 2020 Negara yang menekankan kepada matlamat untuk menjadi negeri yang ditransformasikan sebagai sebuah negeri yang bertaraf antarabangsa yang menjadi lokasi pilihan pelabur, menjadi destinasi pilihan pelancong dan menjadi pilihan utama penduduk yang mahukan sebuah kehidupan yang lestari dan mampan selain daripada menjadi negeri maju dari segi kesaksamaan social dan keadilan ekonomi.

Melalui wawasan tersebut, Jabatan Perhutanan telah membangunkan aktiviti-aktiviti yang diyakini dapat merintis langkah supaya sektor perhutanan di negeri Pulau Pinang dapat dibangunkan dengan memberi tumpuan terhadap sektor berkaitan pembangunan hutan dan sumber hutan bukan berkayu, penguatkuasaan, pemeliharaan dan pemuliharaan hutan. Dalam melaksanakan sistem pengurusan hutan secara berkekalan, terdapat berbagai-bagai dasar yang berkaitan juga perlu diambilkira selain daripada Dasar Perhutanan Negara. Pelaksanaan pembangunan ekonomi sektor perhutanan hanya boleh berkisar dalam lingkungan dan batasan dasar-dasar dan akta-akta yang digubal. Pelaksanaan yang efektif perlu mengambil kira dasar-dasar dan akta-akta lain sedia ada yang berkaitan daripada Dasar Pembangunan Nasional hinggalah ke Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan, daripada Akta Kerajaan Tempatan hinggalah kepada Akta Kualiti Alam Sekitar.

Pulau Pinang mencatatkan keluasan keseluruhan negerinya dengan lebih kurang 103,150.0 hektar yang mana kawasan berhutan mempunyai keluasan lebih kurang 7,254.0 hektar iaitu sebanyak 7.03% dari keseluruhan kawasan negeri. Hutan Simpanan Kekal (HSK) di Pulau Pinang pula mencatatkan keluasan sebanyak 6,098.0 hektar (JPSPM, 2008). Ini memberi Nisbah Hijau_(Negeri) atau NH_(S) kepada keluasan negeri sebagai 0.073. Namun begitu di peringkat anatarabangsa melalui "Deklarasi Langkawi" telah menetapkan negara-negara Komanwel perlu mempunyai kawasan berhutan yang mencukupi (30% daripada keluasan negeri) berbanding dengan keluasan tanah negara masing-masing. Malaysia pula menetapkan untuk menyimpan 50% keluasan tanah yang diliputi hutan.

Walaupun mempunyai saiz yang kecil, Pulau Pinang adalah antara negeri termaju di Malaysia pada ketika ini. Perancangan ke arah kemajuan yang lebih mantap dan seimbang masih boleh dilakukan dengan menambahkan lagi kawasan berhutan bagi meningkatkan faedah-fedah hutan kepada masyarakat. Oleh itu adalah dicadangkan keluasan kawasan berhutan di Pulau Pinang ditambah dengan menanam pokok-pokok hutan di kawasan-kawasan lapang dan terbiar. Dalam pada itu, dicadangkan supaya kawasan hutan tanah kerajaan yang bersesuaian luasnya yang terdapat di Pulau Jerejak serta sebahagian lagi yang terdiri daripada Hutan Paya Laut diwartakan sebagai HSK.

Anggaran penduduk negara ini yang tinggal di dalam kawasan-kawasan perbandaran hampir kepada 40.0%. Dalam hubungan ini Dasar Perbandaran Negara digubal untuk dijadikan garis panduan dalam usaha pembangunan kawasan-kawasan Bandar. Justeru itu, hubungan yang rapat dengan strategi pembangunan wilayah adalah untuk menghasilkan keseimbangan di semua kawasan (MPPP, 1998).

Di Pulau Pinang, setakat ini tercatat sebanyak 5 kawasan hutan lipur yang telah dibangunkan di dalam kawasan HSK. Pelbagai kemudahan serta infrastruktur telah disediakan untuk keselesaan dan kesenangan para pengunjung untuk menikmati keindahan dan menjalankan pelbagai aktiviti seperti berekreasi, program pendidikan, penyelidikan serta pembangunan hutan lipur ini. Kadar kepenggunaan hutan lipur di Pulau Pinang adalah 1 hektar untuk setiap 13 000 orang penduduk dengan keluasan keseluruhan adalah sebanyak 108 hektar. Usaha penambahan kawasan rekreasi hutan amat perlu dan giat dijalankan memandangkan kadar kehadiran pelancong yang semakin meningkat dari masa ke semasa.

Di Pulau Pinang, lebih daripada 19 industri yang bergiat aktif dalam menjana pendapatan negeri. Industri - industri ini terus mendapat suntikan pelabur - pelabur dari dalam dan luar negara untuk terus menjana pendapatan negeri. Menurut rekod, sebanyak 28 syarikat yang terlibat secara aktif dalam sektor perabot dan industri berasaskan kayu pada tahun 2008. Sektor ini merupakan salah satu sektor yang besar dalam negeri yang kecil seperti Pulau Pinang.

Semenjak dari tahun 1972, tiada sebarang lesen yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang bagi tujuan pengusahasaan. Sehubungan itu, semua kawasan HSK di Pulau Pinang telah dikelaskan sebagai Hutan Perlindungan dan juga Hutan Lipur. HSK akan diusahakan berdasarkan kepada keupayaan semulajadi hutan, penggunaannya yang optimum dan penggunaan tanah hutan yang komprehensif bagi mencapai tahap pengurusan hutan secara berkekalan sejajar dengan kehendak standard kualiti dan kejayaan kritikal ITTO sebelum tahun 2010 dan selepasnya. Ini juga memberi ruang kepada dirian hutan untuk membaik pulih dan kembali kepada status dirian klimaks sebagaimana asalnya dengan kandungan isi hutan yang semakin meningkat dan berkualiti.

Pengumpulan data-data kuantitatif dan kualitatif sumber hutan telah dilaksanakan oleh JPSM secara berkala setiap sepuluh tahun sekali melalui projek Inventori Hutan Nasional (IHN). Sehingga kini, sebanyak empat siri IHN telah Berjaya disempurnakan. IHN4 telah dilaksanakan oleh JPSM pada tahun 2002-2004 dengan bantuan teknikal menerusi Projek Pengurusan dan Konservasi Hutan Secara Berkekalan Malaysia-Jerman (*Malaysian-German Sustainable Forest Management and Conservation*). IHN4 dilaksanakan bertujuan untuk membantu Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang bagi mengemaskini maklumat-maklumat sumber hutan yang terkini bagi Penyediaan Rancangan Pembangunan Hutan.

Daripada keputusan penganalisan IHN4 ini, didapati bahawa peratus bilangan pokok keseluruhan bagi kaum Dipterokarpa adalah sebanyak 23.3 % di mana peratus bilangan kumpulan Meranti adalah sebanyak 17 % saja. Bilangan pokok bersaiz 45.0 cm dpd dan ke atas adalah sebanyak 29.6 pokok bagi setiap hektar bagi Negeri Pulau Pinang. Bilangan pokok yang boleh ditebang iaitu bersaiz 60.0 cm dbh dan ke atas adalah sebanyak 11.2 pokok bagi setiap hektar.

Isipadu pokok-pokok dari IHN4 pula memberi nilai yang berbeza-beza. Keputusan Penganalisan adalah isipadu hutan bagi pokok-pokok bersaiz 10.0 cm dbh dan ke atas adalah sebanyak 236.88 m³/ha. Isipadu bagi kaum Dipterokarpa adalah sebanyak 94.18 m³/ha (39.8 %) daripada keseluruhan isipadu hutan bagi Negeri Pulau Pinang yang mana kumpulan Meranti menyumbang sebanyak 70.48 m³/ha (29.8 %). Pokok-pokok bersaiz 45.0 cm dbh dan ke atas menyumbang sebanyak 106.58 m³/ha atau 45.0 % daripada keseluruhan isipadu hutan

